

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Masyarakat secara umumnya amat mengambil berat dan menaruh kepercayaan penuh terhadap kredibiliti Tentera Darat Malaysia yang mana bukan sahaja untuk mempertahankan daratan negara tetapi juga anggota-anggotanya telah dianggap sebagai *role model* kepada anak-anak remaja yang sedang mencari dan membina jati diri. Ini adalah kerana imej dan penampilan yang ditunjukkan oleh setiap anggota Tentera Darat telah berjaya mempamerkan kekentalan disiplin yang mana menzahirkan organisasi yang berdisiplin secara keseluruhannya. Kebanggaan ini dapat dirasai oleh setiap lapisan masyarakat tanpa ragu-ragu (Ruslan, 2006).

Namun demikian, gejala penyalahgunaan dadah di kalangan anggota Tentera Darat telah mencalarkan kredibiliti ini dan ia merupakan salah satu penyakit sosial yang sukar untuk dibanteras. Segala anisiatif dan usaha bersepadau dari semua pihak seakan mempamerkan penyakit sosial ini tidak mampu dibendung lagi. Justeru itu, banyak persoalan berkaitan dengan masalah dadah di dalam masyarakat sering diperdebatkan bukan sahaja dari pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang berkaitan atau badan bukan kerajaan dan individu untuk terus mencari pendekatan yang terbaik untuk mengawal dan seterusnya meletakkan masalah ini pada satu tahap yang mampu dikawal dan tidak disalahguna oleh masyarakat umum.

Melalui perspektif Islam, secara khususnya tidak terdapat hukuman yang jelas samada di dalam Al Quran atau hadis Rasulullah S.A.W yang menyebut mengenai dadah. Namun demikian terdapat satu kaedah umum di dalam Al Quran dan hadis yang melarang setiap individu Islam mendekati perkara-perkara yang membawa kepada mabuk dan mengkhayalkan (Zainuddin, 1990). Ayat-ayat Al Quran dan hadis-hadis yang menjadi dalil haramnya benda-benda yang memabukkan hanya dikhususkan kepada arak sahaja.

Namun demikian terdapat satu kaedah umum di dalam Al Quran dan hadis yang melarang setiap individu muslim mendekati perkara-perkara yang membawa kepada mabuk dan mengkhayalkan. Maksud di dalam sebuah hadis “*Setiap sesuatu yang memabukkan adalah arak dan setiap arak adalah haram*” (Riwayat Muslim), (Reduan, 1990). Kebanyakan ulamak menghukum pengharaman dadah dengan mengkategorikannya dengan hukum arak dengan al-Khamr kerana terdapat persamaan ‘illah’ pada kedua-duanya iaitu memabukkan dan mengkhayalkan. Saidinar Umar r.a pernah menegaskan bahawa al-Khamr iaitu apa sahaja yang dapat menutup akal dan dengan sebab itu dadah juga termasuk dalam al-Khamr kerana ia menyebabkan hilangnya kewarasan akal seseorang yang menggunakaninya. Bahkan dadah lebih bahaya daripada arak kerana kesannya bukan hanya pada fikiran tetapi juga kepada anggota tubuh badan (Taib, 1989).

2.2 DEFINISI KONSEP

2.2.1 Dadah

Pengertian dadah ataupun *drug* di dalam bahasa Inggeris mempunyai bahasa yang luas dan umum (Pasukan Petugas Anti Dadah, Dadah Apa Anda Perlu Tahu, 1992). Ia banyak memberi faedah kepada bidang perubatan. Dadah adalah bahan kimia yang dapat mengubah perasaan, daya penerimaan, fikiran dan tindakan yang waras. Ia merupakan apa-apa jua bahan kimia sama ada di dalam bentuk asli atau tiruan apabila digunakan sama ada disuntik, dihidu, dihisap atau dimakan, ianya boleh mengubah fungsi tubuh badan seseorang secara psikologi, emosional atau pertukaran perlakuan (Taib, 1989).

Mengikut Kamus Dewan (2000), istilah dadah dierangkan sebagai dadah ubat-ubatan atau bahan seperti ganja, herion, marijuana yang merosakkan kesihatan atau membinasakan orang yang berlanjutan menggunakan (Reduan, 1990). Dalam konteks yang sebenar istilah dadah mestilah merangkumi semua bahan atau agen (selain daripada makanan dan air) yang membawa kepada penagihan (Hasbullah, 1983).

Mengikut definisi Pasukan Anti Dadah, istilah dadah dalam bahasa Melayu menggambarkan sesuatu yang jijik dan mesti dijauhi. Takrif dadah tidak

meliputi bahan-bahan pelarut gam dan petrol), alkohol dan tembakau, walaupun bahan-bahan ini mempunyai banyak persamaan dengan dadah dari segi kesannya (Agensi Dadah Kebangsaan, 1997). Secara amnya dadah adalah bahan kimia psikoaktif yang memberi kesan ke atas penggunaanya dari segi mental dan fizikal (Pasukan Petugas Anti Dadah, 1992).

Dari segi perubatan, dadah dikategorikan kepada dua jenis iaitu dadah jenis ringan (soft drug) dan dadah jenis berat (hard drug). Dadah jenis ringan pada amnya ialah dadah yang kurang memberikan kesan sampingan dan kurang membahayakan tubuh manusia seperti kopi, rokok, tembakau, alkohol dan lain-lain lagi. Manakala dadah jenis berat pula adalah dadah yang dikategorikan oleh pihak berkuasa sebagai dadah berbahaya kerana penggunaannya akan memberi kesan sampingan yang buruk seperti ubat tidur, narkotik dan berbagai-bagai lagi (Reduan, 1990).

Ray dalam Scorzelli, (1987) mendefinisikan dadah sebagai apa juá jenis bahan (selain dari makanan) dengan sifat kimia atau fizikalnya yang menukar struktur atau kefungsian organisma yang hidup. Mengikut definisi World Health Organisation (WHO) (2003), dadah merupakan satu bahan kimia yang wujud dalam bentuk asli atau tiruan yang digunakan untuk tujuan diagnosis dan terapeutik. Tidak terdapat definisi dadah yang tepat. Sebarang definisi terhadapnya adalah bersifat bergantung kepada

tujuan individu yang memberikan definisi. Dalam kontek kajian ini, dadah didefinisikan sebagai apa-apa bahan yang mengandungi agen-agen kimia apabila disuntik, dihidu, dihisap atau dimakan boleh mengubah fungsi tubuh badan, pemikiran dan psikik serta tingkahlaku seseorang.

2.2.2 Tekanan

Perbuatan menekan, keadaan menekan atau keadaan tertekan; keadaan menanggung beban yang sukar untuk ditanggung. (Kamus Dewan, 2000)

Tekanan (stres) di sini merupakan tindak balas fizikal, fisiogikal dan psikologikal yang berlaku dalam diri seseorang yang berpunca atau diakibatkan oleh suasana yang dihadapi yang dianggapkan sekarang mengancam atau mencabar. Tekanan (stress) merupakan normal dalam kehidupan yang sentiasa dipenuhi dengan kesibukan. Setiap orang akan mengalami tekanan (stress) dalam kehidupan sehari-hari mereka. Tekanan (stress) yang berterusan dan keterlaluan boleh mengganggu kesihatan mental mahupun kesihatan fizikal. Cooper (1988) tekanan (stress) berlaku jika setiap unit dan individu mendapat sedikit kepercayaan. Jika tekanan (stress) tidak diatasi akan timbul banyak masalah kesihatan dan penurunan aktiviti. Fortuna (2001), sikap yang positif akan memajukan diri mereka dan sikap yang negatif akan menjadikan prestasinya merosot.

2.2.3 Keluarga

Merujuk kepada Kamus Dewan (2000), keluarga bermaksud seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami dan isteri sahaja atau berserta anak-anak. Keluarga menurut takrif antropologi adalah satu unit atau kumpulan yang terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Freud pula merujuk keluarga sebagai kombinasi ibu adan bapa yang tinggal serumah dengan satu ataupun lebih anak (Frued, 1958). Keluarga juga merupakan institusi yang paling hampir dengan seseorang, khususnya kanak-kanak. Melalui keluarga, kanak-kanak dapat menggunakan dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Azmi (1988), keluarga dipandang sebagai satu institusi yang mempunyai tugas yang berbeza lagi berkesan. Keluarga selalunya akan memberi khidmat sebagai satu masyarakat kecil serba lengkap terhadap jiwa yang lahir dan berkembang dalamnya.

2.2.4 Persekutaran

Menurut Kamus Dewan (2000), persekitaran bermaksud kawasan di sekeliling sesuatu tempat. Kamus Times (1987), mendefinisikan persekitaran adalah keadaan di sekeliling kita. Persekutaran yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah sahsiah dan tingkah laku individu boleh menjadi negatif atau positif bergantung kepada kedudukan dan suasana

persekitaran keluarga, masyarakat, media dan sebagainya. Pengaruh persekitaran terdiri daripada dua komponen besar, tegasnya, persekitaran fizikal dan psikososial. Persekitaran fizikal seperti kawasan bandar, kem dan rumah. Tingkah laku yang tidak sihat juga berpunca dari keperluan fisiologi seperti makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan alam sekitar yang selesa. Seterusnya, keperluan psikologi seperti keselamatan, rasa dimiliki, kasih sayang, penerimaan, dan penghargaan juga mempengaruhi tingkah laku individu.

2.2.5 Kemerosotan

Merujuk Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000), kemerosotan ditakrifkan sebagai perihal merosot mutu, kemajuan, kemunduran dan kejatuhan. Kemerosotan disiplin berkait rapat dengan cara didikan dan asuhan di rumah. Sikap individu dan pengaruh rakan-rakan berupa penekanan dapat mempengaruhi perkembangan individu daripada segi sahsiah dan aspirasinya (Varatahan, 2001). Sikap individu, rakan sebaya, dan persekitaran adalah beberapa faktor yang mendorong ke arah kemerosotan disiplin.

2.2.6 Disiplin

Apa yang dimaksudkan dengan disiplin merujuk kepada istilah Kamus Undang-Undang (1995), adalah memberi makna seperti di bawah:

"Disiplin adalah latihan kepada pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri, atau patuh kepada setiap arahan atau peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Manakala perkataan 'Berdisiplin' pula diberi makna patuh iaitu mengikut, taat kepada undang-undang, peraturan, tatatertib dan lain-lain."

Segala bentuk salah laku yang bertentangan dengan etika ketenteraan yang khusus boleh menjaskan nama baik TDM dan seterusnya memudaratkan perkhidmatan adalah tergolong sebagai pelanggaran kepada disiplin. Disiplin juga berhubung rapat dengan keselamatan tentera, oleh itu gabungan disiplin dan keselamatan tentera adalah merupakan fungsi pemerintahan yang penting dan perlu dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Perkara ini sudah lama ditekankan sejak era sebelum Masihi lagi sebagaimana menurut Thucydides (1983) dalam bukunya 'History of the Peloponnesian War' menyatakan:

"Kekuatan sesuatu bala angkatan tentera itu adalah tertakluk kepada ketegasan disiplin dan mengikut perintah atasannya dengan tanpa berbelah bagi".

2.2.7 Konsep dan Definisi Kawasan Bandar

Bagi memperincikan perkara ini, terdapat beberapa konsep penting beserta istilah-istilah lain yang mempunyai hubungan dengannya. Kefahaman ini penting bagi membezakan pelbagai pengertian, walaupun mempunyai pertalian yang rapat antara satu sama lain. Antara definisi kawasan bandar berdasarkan kriteria-kriteria tertentu dikemukakan seperti berikut:

2.2.7.1 Berdasarkan Saiz Penduduk.

Pada perspektif Malaysia kawasan yang dikategorikan bandar adalah kawasan yang mempunyai jumlah minimum penduduknya 10,000 orang (Malaysia: Banci Penduduk dan Perumahan: 1970). Bagi Amerika Syarikat sejumlah 2,500 orang, Perancis 2,000 orang, India 5,000 orang, Denmark 250 orang, Netherlands 20,000 orang dan Jepun 30,000 orang (Knowles & Wareing, 1976).

2.2.7.2 Berdasarkan Kepadatan Penduduk Minimum.

Umpamanya India menganggap sesebuah kawasan itu sebagai bandar, jika bilangan penduduk melebihi 5,000 orang atau kepadatannya melebihi 386 orang bagi setiap kilometer persegi (Knowles & Wareing, 1976).

2.2.7.3 Berdasarkan Penggunaan Tanah Dan Fungsi Bandar.

Umpamanya ruang tanah yang digunakan untuk aktiviti bukan pertanian di samping berfungsi sebagai pusat pentadbiran, perdagangan, perniagaan, pendidikan dan kebudayaan (Breese, 1966).

Daripada kriteria-kriteria di atas dapat difahami bahawa konsep kawasan bandar boleh didefinisikan dengan berdasarkan bilangan penduduk di sesebuah bandar dan kebiasaanannya bilangan penduduk sesebuah bandar lebih tinggi jika dibandingkan kawasan luar bandar. Faktor-faktor lain adalah seperti ekonomi, rangkaian pengangkutan, infrastruktur, penggunaan tanah, lanskap budaya dan fizikal serta pembangunan bandar secara keseluruhannya.

2.3 Alat Ukur Kajian

Di dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan alat ukur *Mooney Problem Check List* yang mana pernah dilakukan untuk mengkaji masalah-masalah di kalangan pelajar-pelajar di sekolah dan kolej. Kajian yang menggunakan alat ukur ini pernah dijalankan terhadap golongan pelajar di Malaysia oleh beberapa orang pengkajian umpamanya Hassan (1977), Hasnah (1982) dan Lai (1996). Ini telah digunakan

dalam beberapa kajian masalah di Malaysia dan ianya juga digunakan secara meluas di negara-negara barat dalam menjalankan kajian masalah.

2.3.1 Kajian luar negara

Kajian tentang pemasalahan di kalangan pekerja telah mula dikaji sejak tahun tiga puluhan lagi di luar negara. Beberapa teknik telah digunakan di kalangan pengkaji seperti temuduga dan soal selidik untuk mengetahui masalah-masalah pelajar. Mooney (1950), menggunakan senarai semakan masalah terhadap 600 orang pelajar sekolah tinggi mendapati masalah yang paling tinggi dihadapi adalah masalah pelajaran dan kerjaya masa depan, masalah kewangan, keadaan kehidupan, pekerjaan, masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah.

2.3.2 Kajian di Malaysia

Kajian mengenai kategori masalah ini kebanyakkan dilaksanakan di kalangan pelajar-pelajar di Malaysia. Antaranya ialah Hassan (1995), telah mendapati bahawa tiga masalah utama yang dihadapi oleh pelajar ialah masalah personal psikologi, masalah penyesuaian dengan kerja-kerja sekolah dan masalah masa depan dari segi kerja dan pelajaran.

Menurut Hasnah (1982), secara umumnya, masalah remaja terbahagi kepada empat kategori besar iaitu akademik, peribadi, kerjaya dan kesihatan. Masalah akademik meliputi aspek-aspek seperti kegagalan

dalam peperiksaan, pengetahuan asas yang tidak mencukupi, teknik belajar yang salah dan sebagainya. Masalah peribadi merangkumi perkara-perkara tekanan jiwa, konflik remaja, masalah perhubungan, kewangan dan keyakinan diri. Masalah kerjaya bisanya adalah di sekitar peluang pekerjaan dan kesesuaian diri dalam satu-satu pekerjaan. Masalah kesihatan pula berkisar kepada aspek perubatan.

Hasil kajian Lai (1996) ke atas pelajar-pelajar Lanjutan Pengajian Pendidikan, Univertsiti Teknologi Malaysia, mendapati kategori masalah yang banyak mengganggu pelajar-pelajar ini ialah masalah kewangan dan masalah sosial dan pengajian yang membawa kepada kemerosotan disiplin.

2.4 MASALAH ANGGOTA TENTERA DARAT MALAYSIA

Masa yang amat kritikal adalah masa di mana seseorang itu berada di dalam kategori dewasa muda. Mengikut Bacham, O'Malley dan Joanston (1984), pelajar-pelajar yang mengalami perubahan hidup dari seorang remaja kepada dewasa muda terpaksa menghadapi pelbagai cabaran akibat perubahan-perubahan persekitaran (dari sekolah menengah ke institusi tertentu), iklim psikologi (perasaan, status emosi dan tekanan) dan biologikal (perkembangan fizikal). Sekiranya mereka gagal untuk menghadapi cabaran-cabaran ini, mereka berkemungkinan besar akan mencari jalan keluarnya dengan tingkahlaku untuk

menggunakan dadah bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut (Detting dan Beauvais, (1988).

Dalam kajian ini, masalah anggota tentera yang bertaraf Pertanda iaitu anggota berpangkat Koperal/Lans Koperal dan Prebet atau setaraf akan dilihat mengenai hubungannya dengan penyalahgunaan dadah. Masalah-masalah ini telah dikenalpasti boleh diukur melalui suatu alat pengukuran yang dikenali sebagai ***Mooney Problem Check List*** (Mooney dan Gordon, 1950). Instrumen ini berjaya memperincikan masalah individu terutamanya masalah kesihatan dan perkembangan fizikal, masalah kewangan, keadaan hidup dan pekerjaan, masalah aktiviti sosial dan rekreasi, masalah hubungan sosial dan psikologikal, masalah hubungan peribadi psikologikal, masalah rumah tangga dan keluarga, serta masalah penyesuaian terhadap penugasan harian.

2.5 PEMILIHAN RESPONDEN ANGGOTA TENTERA DARAT MALAYSIA

Bagi pelaksanaan kajian penyelidikan, anggota Tentera Darat Malaysia yang akan dipilih sebagai responden dalam konteks ini adalah merupakan mereka yang terdiri daripada anggota berpangkat Koperal ke bawah meliputi pelbagai berumur dalam lingkungan 19 tahun ke atas yang sedang bertugas di instalasi-instalasi tentera di kawasan Kuala Lumpur dan Selangor. Mereka terdiri pelbagai etnik mempunyai pelbagai latar belakang keluarga, pendidikan dan berpendapatan yang berbeza.

2.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya di dalam bab ini pengkaji telah berusaha untuk memberikan penerangan serta gambaran yang jelas bagi mengupas tajuk kajian melalui sorotan kajian. Di dalam bab ini juga pengkaji telah menjelaskan tumpuan kajian adalah kepada anggota berpangkat Kopral ke bawah, agar kajian yang akan dilaksanakan dapat dipusatkan dan selari dengan objektif yang telah digariskan. Di samping itu juga, pengkaji percaya masalah di kalangan anggota yang berpangkat Kopral ke bawah ini lebih ketara kerana kekuatan (jumlah) mereka yang ramai di dalam struktur organisasi Tentera Darat Malaysia dan dipercayai penyalahgunaan dadah merupakan faktor penyumbang utama kepada berlakunya pelanggaran serta kemerosotan disiplin ini.